

## Cincin mewah bertatahkan 24,679 butir berlian

Oleh KOSMO! 17 Julai 2022, 2:00 pm



Berat cincin ini hanyalah sekitar 30 gram sahaja. - Guinness L

NEW DELHI – Sebuah syarikat perhiasan di India menempah namanya dalam Guinness World Records apabila menggunakan sejumlah 24,679 butir berlian untuk menghasilkan sebetulnya cincin.

Guinness World Records mengumumkan bahawa SWA Diamonds memegang rekod untuk cincin bertatahkan paling banyak berlian. Cincin itu digelar 'Ami' atau dalam bahasa Sanskrit yang bermaksud keabadian.

Reka bentuk cincin itu adalah berinspirasi cendawan tiram merah jambu.

“Cendawan ini mewakili keabadian dan umur panjang,” kata Pengarah Urusan SWA Diamonds, Abdul Gafur Anadiyan.

Berlian asli yang diletakkan pada cincin itu disahkan bebas konflik oleh Skim Pensijilan Proses Kimberley.

Cincin yang beratnya kira-kira 340 gram itu dianggarkan oleh SWA Diamonds bernilai sekitar AS\$95,243 (RM423,736). – Agensi